

AKHBAR : UKAS SARAWAK
TARIKH : 04 FEBRUARI 2024
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE
HARI : AHAD



SRI AMAN: Masyarakat khususnya golongan muda disarankan untuk merebut peluang pendidikan yang telah disediakan oleh Kerajaan Sarawak dalam membantu mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Begunan Datuk Mong Dagang berkata, Kerajaan Sarawak kini telah menyediakan pelbagai peluang pendidikan yang banyak memberi manfaat kepada individu yang ingin melanjutkan pelajaran.

Katanya, antara bantuan dan inisiatif yang telah diumumkan oleh Kerajaan Sarawak termasuk bantuan kemasukan percuma ke universiti-universiti milik Kerajaan Sarawak, pembayaran balik Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan bantuan sebanyak RM5,000 kepada pelajar yang memasuki universiti.

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Pemimpin Bersama Rakyat yang berlangsung di sini pada Sabtu.

Dalam pada itu, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Sarawak kini semakin giat memperjuangkan hak-hak Sarawak melalui Perjanjian

Malaysia 1963 (MA63) dalam mengembalikan hak pendidikan dan kesihatan kepada negeri ini.

Pada akhir ucapan beliau, Datuk Mong telah menyalurkan dana berjumlah RM10,000 kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Rumah Dennis dan RM3,000 kepada Biro Wanita rumah berkenaan.

Manakala itu di Rumah Suting pula, beliau berkesempatan hadir dalam Majlis Pemimpin Bersama Rakyat dengan penduduk di sana yang mana turut menampilkan penceramah dari Jabatan Pertanian Sri Aman dan Sarawak Energy Berhad (SEB).

Dalam majlis tersebut, beliau telah memperuntuk dana di bawah Projek Program Transformasi Luar Bandar (RTP) berjumlah RM150,00 bagi tujuan menaik taraf rumah panjang dan RM10,000 kepada JKKK rumah tersebut. -EDISI UKAS

<https://ukas.sarawak.gov.my/2024/02/04/rebut-peluang-pendidikan-disedia-kerajaan-sarawak/>